

Transformative Learning Among Adult Women That Has Performed Hajj In Perak

Pembelajaran Transformatif Dalam Kalangan Wanita Dewasa Yang Menunaikan Haji Di Perak

Nur Afiqah Amira Azhar, Mohd Azhar Abd Hamid*, Hussain Mahmud, Fadilah Zaini, Mohd. Nasir Markom, Muhammed Fauzi Othman, Mohd Koharuddin Balwi

School of Human Resource Development and Psychology, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

*Corresponding author: m-azhar@utm.my

Article history: Received: 28 June 2021 Received in revised form: 11 July 2021 Accepted: 25 July 2021 Published online: 05 August 2021

Abstract

Transformative learning is a process of engaging with an individual's referral framework including perspectives of meaning, habit, mind and thinking. This study was conducted to study the transformational learning that takes place in adult women in performing the Hajj. This study is designed to identify triggers, factors and effects. The methodology of this study uses semi-structured interviews. A total of 5 informants consisting of adult women aged 45 to 65 were selected using the snowball method. The results show that different triggering events in each individual can change the perspective of informants to change. Factors help inform informants to support and encourage them to continue to move in a positive direction. Suggestions to future researchers may extend the scope of Malaysia including Sabah and Sarawak, study gender differences and use data triangulation.

Keywords: Transformative learning, perspective changes, trigger event, adult women, critical reflection

Abstrak

Pembelajaran transformatif merupakan satu proses melibatkan perubahan kerangka rujukan individu meliputi perspektif makna, tabiat, minda, dan cara pemikiran. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji pembelajaran transformasi yang berlaku dalam kalangan wanita dewasa setelah menunaikan fardhu haji. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti peristiwa pencetus, faktor-faktor dan kesan-kesan terhadap wanita dewasa yang telah menunaikan haji. Metodologi kajian ini menggunakan temubual separa berstruktur. Seramai 5 informan terdiri daripada perempuan dewasa berumur dalam lingkungan 45 hingga 65 tahun dipilih dengan menggunakan persampelan *snow ball* (bola salji). Hasil kajian menunjukkan peristiwa pencetus yang berbeza dalam setiap individu dapat mengubah perspektif informan untuk berubah. Faktor-faktor membantu informan memberi sokongan dan dorongan untuk teruskan berubah ke arah yang positif. Cadangan kepada pengkaji akan datang agar meluaskan skop kajian ke seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak, selain mengkaji perbezaan jantina serta menggunakan triangulasi data.

Kata kunci: Pembelajaran transformatif, perubahan perspektif, peristiwa pencetus, wanita dewasa, refleksi kritikal

© 2021 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Ibadah haji merupakan salah satu rukun iman yang kelima dan merupakan suatu ritual penyucian rohani ke arah mengukuhkan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah SWT (Al-Ghazali, 1983). Maka, menunaikan fardhu haji adalah salah satu kewajipan bagi umat Islam (Zulkifli, 2008). Allah telah memerintah kepada semua umat Islam yang berkemampuan untuk menunaikan haji seperti mana yang termaktub dalam ayat Al-Quran yang bermaksud "*Dan sempurnakanlah ibadah Haji dan Umrah kerana Allah.*" (Al-Baqarah : 196). Berdasarkan statistik jemaah haji di Malaysia pada tahun 2018 menunjukkan 30,200 orang telah berjaya menunaikan haji pada tahun tersebut. Jemaah haji ini melibatkan pelbagai golongan seperti golongan warga emas, dewasa dan awal dewasa termasuk golongan lelaki dan wanita (Muhammad Yusuf, 2003). Secara umumnya, jemaah wanita tidak dapat menunaikan ibadah haji sekiranya tidak ditemani mahram (Zulkifli, Khair & Abd. Ghani, 2008). Hal ini kerana pada tahun 2013, kerajaan Arab Saudi telah menetapkan peraturan bahawa jemaah wanita dalam kategori umur 45 tahun ke bawah mesti ditemani mahram seperti suami, anak, bapa atau saudara mara yang berkeelayakan untuk menemani jemaah wanita dalam menunaikan ibadah haji. Hal ini kerana wanita mempunyai tenaga kudrat yang lemah berbanding lelaki dan untuk melindungi jemaah wanita dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang wanita terhadap diri sendiri iaitu wanita diwajibkan untuk menjaga diri mereka dengan baik dari segi aurat, maruah dan keperibadian (Zulkifli, Khair & Abd Ghani,

2008). Selain daripada itu, perempuan mempunyai banyak tanggungjawab lain terutama bagi yang telah berkahwin merangkumi tanggungjawab sebagai isteri, tanggungjawab sebagai ibu, tanggungjawab sebagai anak dan akhir sekali, tanggungjawab sebagai seorang wanita terhadap diri sendiri di mana wanita diwajibkan untuk menjaga diri mereka dengan baik dari segi aurat, maruah dan keperibadian.

Penyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji perubahan spiritual menerusi pembelajaran transformatif wanita dewasa dalam konteks ibadah haji bagi memantapkan pembangunan diri sebagai umat Islam. Zulkifli (2008) menyatakan perjalanan spiritual berlaku dalam kalangan individu yang menunaikan ibadah haji, namun pengalaman tersebut adalah bersifat peribadi. Menurut Zulkifli (2008) pengalaman perjalanan spiritual ini dirasai bila mana individu tersebut melakukan refleksi atau *taffakur*. Menurut Mohd Azhar (2018) refleksi atau *taffakur* inilah elemen penting dalam konteks pembelajaran transformatif. Selain itu, terdapat banyak catatan dan naratif yang mencatatkan pengalaman individu dewasa menunaikan fardu haji dalam konteks catatan peribadi yang diluahkan menerusi travelog haji dan di media sosial (Mariam, 1967). Namun, kajian literatur menunjukkan ia dalam pelbagai domain seperti dakwah, kepimpinan, muamalat dan peribadatan sebaliknya masih belum diterokai dalam perspektif pembelajaran transformatif. Di Malaysia menurut Mohd. Azhar (2018) pembelajaran transformatif masih baru dan memerlukan penerokaan yang lebih mendalam khususnya berkaitan dengan ibadah umat Islam. Di Malaysia, beberapa kajian lepas menunjukkan pembelajaran transformatif memberi kesan terhadap perubahan perspektif individu seperti dalam konteks perubahan dimensi politik (Mazalan, 2002), pertukaran agama (Mohd. Azhar, 2012), penagihan dadah (Normala, 2017) dan pengkid (Hasmira, 2017) dan pekerja generasi X dan Y (Mohd. Azri, 2019). Terdapat juga kajian-kajian perubahan spiritual dalam konteks Barat namun ia tidak memfokuskan kepada kepercayaan dan agama (Mohd. Azhar, 2012 & 2018). Berdasarkan jurang kajian kontekstual dan empirikal serta cadangan Mohd. Azhar (2018), maka kajian ini dijalankan bagi meneroka pengalaman transformasi perspektif dan spiritual individu yang menunaikan ibadah haji. Kajian ini penting kerana tidak semua orang dapat merasai pengalaman menunaikan haji dan hanya golongan yang berkemampuan dan terpilih sahaja dapat merasai kenikmatan ini (Zulkifli, 2008). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bagaimana perubahan perspektif dan spiritual ini yang berlaku dalam kalangan individu wanita dewasa sebelum dan selepas menunaikan ibadah haji. Tambahan pula, pembelajaran transformatif berkesan sekiranya peristiwa pencetus yang tidak dijangka terjadi seperti peristiwa menakutkan, mengecewakan, menghairankan, mengejutkan (Mezirow, 2000) atau menakutkan sehingga menyebabkan trauma (Mezirow, 1991, 2003; Taylor, 2006). Misalnya, semasa perjalanan menunaikan ibadah haji terdapat peristiwa keinsafan apabila individu tersebut terdengar suara mengaji yang merdu dan menusuk ke jiwa raga. Maka muncul keinsafan terhadap individu tersebut untuk berubah menjadi insan yang lebih baik.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti:

- i. peristiwa yang menjadi pencetus perubahan perspektif dalam kalangan wanita dewasa selepas menunaikan haji.
- ii. faktor-faktor yang membantu wanita dewasa dalam perubahan perspektif selepas menunaikan ibadah haji.

kesan-kesan daripada perubahan perspektif terhadap wanita dewasa selepas menunaikan ibadah haji.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Pembelajaran Dewasa

Dalam pembelajaran orang dewasa (Adult Learning), perkataan andragogi sering dikaitkan dengan orang dewasa (Adanan, 1998 dan Mohd. Azhar, 2018). Secara etimologi, andragogi berasal dari bahasa Latin “andros” yang bererti orang dewasa dan “agogos” yang bererti memimpin atau melayani (Mohd. Azhar, 2018). Adanan (1998) juga berpendapat bahawa pembelajaran dewasa juga tidak boleh dipisahkan dengan dengan merujuk karakteristik “orang dewasa”. Pandangan Adanan selari dengan Illeris (2003) yang menyatakan perkataan dewasa merupakan isu asas dalam berbicara dan menginterpretasikan istilah pembelajaran dewasa. Menurut Hafizah (2015), pembelajaran merupakan satu kaedah pengumpulan maklumat dan matlamat yang berlaku dalam diri setiap individu secara berterusan sama ada secara sedar dan tidak sedar. Pembelajaran berlaku sepanjang hayat manusia (Tylor, 2006) dan tidak terhad pada alam persekolahan kanak-kanak sahaja (Adnan et al., 2010). Diana Syafira (2019) orang dewasa lebih terdorong terhadap motivasi dalaman (intrinsic motivation) berbanding motivasi luaran (extrinsic motivation). Orang dewasa perlu tahu arah tujuan mereka belajar (the need to know), hal ini kerana orang dewasa tidak menggemari untuk mempelajari perkara yang sia-sia dan membazir masa. Malahan orang dewasa lebih cenderung untuk mempelajari perkara yang dapat memberikan manfaat kepada mereka. Pembelajaran dewasa merupakan satu proses apabila seseorang yang mempunyai status dan peranan sebagai seorang dewasa menyertai aktiviti pembelajaran supaya berlaku perubahan pengetahuan, sikap, nilai dan kemahiran (Darkenwald dan Merriam, 1982). Namun, konsep pembelajaran dalam perspektif Islam sangat berbeza dengan perspektif Barat. Justeru dalam konteks kajian ini, pembelajaran menurut Syed Naquib (2018) berlaku apabila ‘makna mendatangi diri’. Konsep pembelajaran ini ternyata berbeza dengan apa yang difahami dalam perspektif Barat. Malah konsep pembelajaran ini merupakan pelengkap kepada makna pembelajaran transformatif itu sendiri.

Pembelajaran Transformatif

Pembelajaran transformatif merupakan model pembelajaran yang dikembangkan dari perspektif transformasi sebagaimana yang digagaskan dan dikembangkan pada awalnya oleh Mezirow (1978). Pembelajaran transformatif merupakan teori pembelajaran terawal yang muncul sekitar 1970-an yang berasal dari hasil kajian yang dilakukan oleh Mezirow yang berjudul pengalaman belajar para wanita yang kembali lagi ke sekolah setelah sekian lama meninggalkan bangku persekolahan (Mohd. Azhar, 2012). Hasil kajian oleh Mezirow menunjukkan kegiatan pembelajaran mampu mengubah perspektif yang dimiliki dan memaknai kenyataan atau pengalaman hidup yang

dialami. Menurut Mezirow (1991, 2000, 2003,), terdapat empat bentuk dalam proses pembelajaran transformasi, iaitu; (1) memperkemaskan lagi kerangka rujukan sedia ada; (2) mempelajari kerangka rujukan yang baru; (3) memperbaharui sudut pandangan; dan (4) memperbaharui tabiat minda. Pembelajaran transformatif adalah suatu proses yang mana sebelum ini kerangka rujukan seseorang individu tidak diseragamkan (andaian, jangkaan, dan tabiat minda), dipersoalkan dan disemak untuk menjadikannya lebih terbuka, teliti dan lebih baik (Mezirow, 2003). Kerangka rujukan merupakan suatu bentuk andaian yang difahami oleh individu melalui pengalaman diri yang mungkin mempengaruhi persepsi, perasaan dan kognisi mereka. Pengalaman individu juga boleh dipengaruhi oleh unsur-unsur prejudis, stereotaip, sangkaan dan juga kepercayaan yang samarsamar atau tidak jelas.

Peristiwa Pencetus

Peristiwa pencetus merupakan peristiwa atau kejadian penting yang pernah berlaku dalam kehidupan individu dan ia memberi kesan yang mendalam terhadap individu itu sendiri sama ada berlaku ke atas dirinya sendiri, keluarga dan mahupun mereka yang mempunyai kaitan yang baik dengan individu tersebut (Mezirow, 1978 & 2009). Mezirow (1978) merungkai dengan lebih jelas bahawa peristiwa penting ini boleh berlaku terhadap diri sendiri, keluarga, dan orang yang signifikan dalam kehidupan seperti kematian orang yang tersayangi, menghidap penyakit kronik, kenaikan pangkat, mendapat cahaya mata, penceriaan, malapetaka alam, kemalangan, kehilangan pekerjaan, persaraan dan sebagainya (Mezirow, 2003). Tambahan pula, peristiwa pencetus ini boleh berlaku dalam berbagai bentuk dan situasi. Mezirow (1991) berpendapat bahawa kebanyakan peristiwa kehidupan adalah traumatik dan menjadi pencetus transformasi. Justeru, peristiwa pencetus yang berkesan berlaku apabila individu tersebut mengambil tindakan yang positif atau negatif dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, proses perspektif makna amat penting dalam mentafsir peristiwa pencetus yang menjadikan pengalaman dalam diri individu tersebut.

Refleksi Kritikal Menurut Islam

Dalam perspektif Islam, refleksi disebut sebagai tafakkur (Mohd. Azhar, 2018). Mohd Yusuf (2003) menyatakan lazimnya tafakkur disebut sebagai “muhasabah”. Jamal dan Mustafah (2004) menyokong hujah tersebut dan menegaskan bahawa muhasabah merupakan proses merenung diri dan memperbaiki diri atas segala kelemahan dan kesalahan yang dilakukan selama ini. Menurut Al-Ghazali (dalam Abdul Rahman, 2003), tafakkur terbahagi kepada dua iaitu tafakkur pada sifat-sifat diri dan perbuatan dirinya, seperti yang berkaitan dengan (i) kemaksiatan, (ii) ketaatan, (iii) sifat-sifat yang merosakkan dan (iv) sifat-sifat yang menyelamatkan. Manakala, tafakkur yang kedua berkaitan dengan keajaiban ciptaan Allah SWT. Al-Ghazali (1997) berpendapat bahawa tafakkur itu penting dalam kehidupan seorang Muslim untuk memperoleh ilmu yang benar. Menurut Jamal dan Mustapha (2004), Sidek (2006), dan Ahmad Amri (2010), refleksi bersifat holistik, iaitu melibatkan akal, nafsu, dan hati (kalbu) yang menerusinya akan berlaku transformasi diri individu dari segi perspektif (world view), pandangan hidup, spiritual dan tindakan.

Transformasi Perspektif Dan Spiritual Menurut Islam

Transformasi (dibaca: perubahan) adalah konsep yang tidak asing dalam Islam. Hal ini kerana, transformasi merupakan perkara penting dan sentiasa diberi penekanan dalam sejarah perjuangan nabi dan rasul (Abdul Fidaa' Ismail, 2004), khususnya transformasi perspektif dan spiritual. Allah SWT pernah berfirman yang bermaksud “Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri kepada-Ku”(Surah al-Zariyat:45).

Pelbagai peristiwa Islam yang bersejarah dan berpengajaran telah dipaparkan kepada umat Islam sejak dari zaman nabi Adam AS sehingga nabi yang terakhir, iaitu Muhammad SAW tentang kehebatan transformasi, perspektif dan spiritual yang berlaku dalam kalangan umat terdahulu (Abdul Fidaa' Ismail, 2004). Justeru, transformasi perspektif dan spiritual adalah sangat penting dalam Islam dan merupakan teras kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT (Haron et al., 2002 & Mohd Azhar, 2018).

Teori Pembelajaran Arah Kendiri (Self Directed Learning)

Pembelajaran arahan sendiri melibatkan sifat peribadi iaitu orang dewasa memiliki sifat cenderung kepada pengarahannya sendiri (self directed) iaitu orang dewasa akan mengenalpasti keperluan, menetapkan matlamat, memilih bagaimana untuk belajar, mengumpulkan maklumat, mencari sumber-sumber dan menilai kemajuan pembelajaran (Mohd. Azhar, 2012). Caffarella (2000) pula menyatakan bahawa terdapat empat matlamat yang memotivasikan orang dewasa supaya terlibat dalam pembelajaran arahan sendiri ialah termasuk; (1) aspirasi untuk menimba ilmu atau meningkatkan kemahiran; (2) lebih cenderung kepada pembelajaran pengarahannya sendiri (self directed learning); (3) memberi inspirasi kepada pembelajaran transformasi apabila refleksi kritikal (critical reflection) merupakan komponen di dalam proses pembelajaran; dan (4) mempromosikan pembelajaran pembebasan (emancipatory learning) dan tindakan sosial (social action) sebagai sebahagian daripada pembelajaran arahan sendiri. Berdasarkan pandangan tersebut, jelas menunjukkan bahawa keempat matlamat di atas berkait secara langsung dengan pembelajaran transformatif.

Kajian-Kajian Lepas

Kajian berkaitan transformatif perspektif bermula di mula pada tahun 2002 menerusi kajian yang dijalankan oleh Mazalan (2002). Mazalan (2002) meneroka pengalaman peningkatan kesedaran politik dalam kalangan Melayu bandar. Kajian ini mendapati, transformatif perspektif berlaku secara aktif akibat daripada peristiwa-peristiwa politik kotor oleh pihak-pihak tertentu sehingga menimbulkan kesedaran terhadap literasi politik. Selepas itu, beberapa siri kajian telah dijalankan oleh pengkaji seperti Mohd Azhar (2012) berkaitan pertukaran agama, Normala (2017) berkaitan penagihan dadah dan Norhasmira (2017) berkaitan pengkid dan Mohd Azri (2019) kajiannya berkaitan generasi pekerja X dan Y. Antara kajian lepas oleh Fadiyah (2016) berkaitan dengan transformasi spiritual dalam kalangan wanita awal dewasa yang berumur antara 20-an hingga 40-an. Dapatan kajian menunjukkan peristiwa pencetus terintegrasi seperti Mohd. Azhar (2012) menjadi titik perubahan spiritual kepada informan kajian. Antara peristiwa terintegrasi yang dialami oleh informan seperti proses

kematangan pemikiran, jiwa yang bercelaru dan mimpi. Walaupun peristiwa terintegrasi menjadi titik tolak kepada pembelajaran transformasi namun faktor lain juga memberi sumbangan dalam mendorong informan melakukan perspektif (Mohd. Azhar, 2012). Antara faktor lain yang membantu dalam pembelajaran transformatif adalah persekitaran yang positif, ajaran Islam dan refleksi diri sendiri (Fadiyah, 2015; Hasira, 2017; Normala, 2017 dan Mohd Azri, 2019). Hasil dapatan kajian Fadiyah (2016) mendapati terdapat tiga kesan yang berlaku selepas pembelajaran transformatif iaitu informan telah belajar menutup aurat dan pandai menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan yang buka ajnabi, mengalami perubahan emosi iaitu informan lebih tenang dan matang dalam menjalani kehidupan dan membuat keputusan, dan akhir sekali adalah perubahan dari sudut spiritual informan lebih menjaga hubungan dengan Allah SWT dan juga silaturrahim sesama manusia.

Selain itu, menurut kajian yang dijalankan oleh Mohd Azhar (2012) menunjukkan bahawa terhadap beberapa peristiwa pencetus terintegrasi yang berlaku dalam kalangan informan dan menjadi pangkal kepada perubahan perspektif terhadap pengalaman lepas yang dihadapi oleh individu Cina Muslim. Faktor-faktor yang dikesan dalam kajian ini adalah dalam kalangan rakan-rakan, guru, komuniti kejiranan, bahan-bahan bacaan, dan juga penggunaan jaringan internet. Antara elemen keteguhan dan jati diri dalam mengakui agama Islam melibatkan proses transformasi perspektif dari segi afektif, kognitif, tingkahlaku dan juga spiritual individu.

Kajian Normala (2017) adalah mengenai pembelajaran transformasi ke arah kepulih dadah dalam kalangan bekas penagih dadah. Tujuan kajian ini adalah bertujuan untuk melihat proses yang dilalui informan sebelum, semasa dan selepas mereka pulih dari gejala yang tidak sihat ini. Seramai 15 orang informan yang terlibat dalam kajian ini dan berumur sekitar 29 hingga 45 tahun. Kajian ini juga melibatkan berlakunya peristiwa pencetus yang mengubah perspektif informan untuk berhenti dari terus menagih dadah. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti bekas penagih dadah ini melalui peristiwa pencetus berulang kali iaitu peristiwa terintegrasi.

Diana Syafira (2019) berkait tentang pembelajaran transformatif dalam kalangan pelajar yang berkahwin semasa belajar di universiti. Kajian ini menfokuskan kepada faktor-faktor yang mendorong pelajar untuk berkahwin sambil belajar. Peristiwa pencetus seperti ibu bapa, kerjaya yang stabil dan kematian telah menjadi peristiwa yang bermakna untuk setiap responden dalam melakukan transformasi semasa belajar. Jelaslah bahawa menerusi kajian ini elemen tingkahlaku, emosi dan spiritual telah menjadi kesan berlakunya pembelajaran transformatif dalam kalangan pelajar yang berkahwin semasa belajar.

Menurut Wollert (2003) dalam kajiannya tentang pembelajaran transformatif dalam kalangan pelajar-pelajar menengah siswazah menyatakan komponen spiritual perlu dimasukkan dalam meneroka pembelajaran transformatif. Hasil kajian menunjukkan peranan peribadi (refleksi diri, amalan spiritual dan sokongan keluarga) serta peranan profesional (mentor) adalah faktor penting dalam mengubah perspektif pelajar-pelajar menengah siswazah. Wollert (2003), menegaskan komponen spiritual yang dinyatakan penting dalam pembelajaran transformatif memberi kesan atau hasil positif dalam proses pembelajaran. Jesteru, konsep spiritual yang ditujukkn di barat lebih memberi kesan kepada kognitif dan perasaan tanpa ada kaitan dengan agama atau kepercayaan itu sendiri.

■3.0 METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan data di lapangan diperolehi menerusi kaedah temu bual. Kajian kualitatif bersifat interpretatif (Mohd. Azhar, 2012) dan sesuai digunakan untuk meneroka pengalaman subjektif individu secara lebih mendalam (Othman, 2017). Hal ini kerana, kajian kualitatif membantu para pengkaji untuk melihat pandangan dari sudut pandangan '*emic*' (pengalaman sedar yang asli) oleh orang dalam itu sendiri (Ritchie dan Lewis, 2003). Selain itu, ia bersifat fleksibel, subjektif dan mendalam (Nur Syuhadah, 2014). Kajian kualitatif membantu pengkaji untuk memahami dan mendalami rangkaian perubahan serta pengalaman yang berlaku dalam kehidupan informan dengan lebih jelas.

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan fenomenologi. Menurut Lindley (2014), kajian fenomenologi dalam kajian kualitatif adalah untuk meneroka pengalaman hidup informan serta hubung kait pengalaman dengan tingkahlaku informan pada masa hadapan. Fenomenologi memberi fokus terhadap bagaimana pengalaman harian dapat mempengaruhi dan membentuk perlakuan manusia (Othman, 2017).

Persampelan

Kajian ini menggunakan persampelan snowball (bebola salji) (Othman, 2017). Istilah persampelan snow ball (bola salji) bermaksud pengkaji menggunakan jumlah sampel yang sedikit dahulu sebelum bertambah melalui maklumat nama yang lengkap dan lokasi sampel lain yang diberikan oleh sampel yang pertama (Ritchie dan Lewis, 2003). Istilah yang digunakan oleh Rohana (2004), membayangkan seketul snow ball (bola salji) bergolek dari atas bukit dan menjadi besar apabila sampai ke bawah dan disebut sebagai "snowball sampling". Kaedah snow ball (bola salji) merupakan subjek kajian yang dipilih berdasarkan kepada rujukan dari informan dalam temubual sebelumnya. Persampelan ini sesuai digunakan memandangkan informannya wanita dan lazimnya individu wanita mempunyai rangkaian rakan-rakan dari kawasan yang sama semasa menunaikan ibadah haji. Ipoh, perak telah dipilih sebagai lokasi kajian atas beberapa alasan seperti kemudahan untuk pengkaji mengakses lokasi kajian. Selain itu, Ipoh antara kawasan teramai golongan wanita mengerjakan ibadah haji di Malaysia dan Perak.

Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji menggunakan sumber data primer yang didapati daripada kaedah temubual separa berstruktur. Menurut Othman (2012), temubual separa berstruktur sesuai digunakan dalam situasi responden dapat menjelaskan sesuai perkara itu dengan lancar serta sesekali dibantu dengan soalan-soalan yang berbentuk 'probing' (Patton, 2002). Protokol temubual disediakan terlebih dahulu dengan disahkan oleh dua orang pakar dalam bidang pembelajaran dewasa dan seorang pakar dalam ibadah haji. Soalan temu bual dalam kajian mengandungi empat bahagian iaitu (1) maklumat responden, (2) peristiwa pencetus yang mendorong kepada pembelajaran transformatif, (3) faktor-faktor

pembelajaran transformatif dan (4) kesan-kesan pembelajaran transformatif. Pengkaji juga menggunakan data sekunder seperti contoh kajian-kajian lepas dalam negara dan luar negara, buku-buku rujukan, jurnal, artikel dan sumber-sumber kajian dari pengkaji lepas dan teori-teori yang boleh digunapakai bagi mengukuhkan lagi kajian pengkaji dengan lebih relevan (Ritchie dan Lewis, 2003).

Analisis Data

Data dikumpul menggunakan kaedah temubual spara berstruktur. Seramai lima orang wanita dewasa yang tinggal di Ipoh Perak dipilih apabila data mencapai tahap ketepuan (satured). Menurut Ritchie dan Lewis (2003) ketepuan data bermaksud apabila tiada lagi maklumat baru ditemui daripada temubual informan terakhir. Lingkungan umur informan adalah 45 hingga 65 tahun dan telah menunaikan haji. Dua daripada informan berkerja sendiri, seorang kerani dan dua lagi sebagai suri rumah.

Dalam menganalisis data kualitatif, ia melibatkan proses transkrip data, saringan data, pembinaan tema-tema, pengekodan tema dan paparan hasil data (Othman, 2017). Data-data yang dikenalpasti akan dikumpulkan dan bahagikan mengikut tema dan subtema yang ditetapkan oleh pengkaji sendiri. Justeru, pengkaji telah menggunakan kaedah perbandingan berterusan (constant comparative method) dalam membina tema-tema yang sesuai hasil daripada temu bual yang dijalankan (Creswell, 2008). Pengkaji telah mengkategorikan tema dengan menggunakan kata kunci atau frasa. Pengkaji turut memberi kod terhadap data setiap informan seperti perempuan dewasa (PD), umur informan (62) dan giliran temu bual (01) seperti berikut PD62/01.

4.0 DAPATAN KAJIAN

Demografi

Seramai lima orang informan telah ditemui dalam kajian ini (Jadual 1). Pemilihan informan ini menggunakan teknik snow balling (bola salji). Kesemua informan tinggal di Ipoh, Perak dan kesemuanya telah berkahwin dan mempunyai anak. Majoriti informan berumur dalam lingkungan 45 hingga 65 tahun. Pemilihan sampel ini bersesuaian dengan kriteria-kriteria ini iaitu (i) telah menunaikan haji dan (ii) memiliki peristiwa pencetus yang menyebabkan berlakunya pembelajaran transformatif

Jadual 1 Demografi informan Kajian

Nama	Jantina	Umur	Status	Pekerjaan	Tahun haji
PD62/01	P	62	Berkahwin	Suri Rumah	2019
PD45/02	P	45	Berkahwin	Berniaga Sendiri	2011
PD64/03	P	64	Berkahwin	Kerani	2018
PD47/04	P	47	Berkahwin	Suri Rumah	2016
PD63/05	P	63	Berkahwin	Bekerja Sendiri	2015

Objektif 1: Peristiwa Pencetus Terhadap Transformasi Perspektif Ibadah Haji

Hasil daripada kajian menunjukkan kebanyakan informan menyatakan perasaan kagum dengan kekuasaan Allah dan ujian Allah merupakan peristiwa pencetus bagi transformasi perspektif dan spiritual. Majoriti informan memberi jawapan yang sama bagi setiap tema dan mempunyai perbezaan dari segi pengalaman.

Perasaan Kagum Terhadap Kekuasaan Allah

Kekuasaan Allah yang telah yang telah ditunjukkan dan dirasai oleh para informan telah menimbulkan rasa kagum dengan kekuasaan Allah. Jika sebelum ini, mereka hanya mendengar cerita dari rakan-rakan dan mereka telah merasainya sendiri bila datang ke Kota Mekah itu sendiri. PD62/01 mengakui bahawa kekuasaan Allah itu benar apabila melihat sendiri peristiwa langit terbuka. Manakala, menurut PD45/02 dengan berkat kekuasaan Allah hubungan suami isteri menjadi lebih akrab. Beliau bercerita ringkas;

“...di sini, di Mekah ini banyak kebesaran dan kehebatan Allah yang kita dapat rasa sendiri...dapat saksikan sendiri...malah dapat rasa dengan hati...dengan perasaan....saya sendiri mengalaminya bila saya berasa hubungan saya dengan suami menjadi lebih akrab....lebih dekat macam tu.....sebelum ni takde la macam apa yang saya rasa tu”

Muhasabah

Muhasabah penting dalam transformasi perspektif dalam kalangan informan. Menurut PD62/01, muhasabah adalah pencetus kepada perubahan perspektif akibat daripada melihat sendiri kekuasaan Allah dan merenung kekurangan diri. Menurut PD45/02, akibat peristiwa pencetus tersebut beliau banyak merenung dan berfikir akan hikmah disebalik kejadian tersebut. Beliau menyebutkan;

“Semasa berlaku peristiwa langit terbuka tu terdetik dalam hati hebatnya kekuasaan Allah SWT rasa diri ni kedil sangat.” Tambahnya lagi, “Yelah kita ni dah tua, rumah kata pergi kubur kata mari. Takkan nak terus berada di tempat yang sama je.”(PD62/01)

PD64/03 dan PD47/04 turut menyokong pandangan PD62/01 dan membuatkan mereka merasa rendah diri dengan amalan yang mereka telah amalkan. Ulasnya;

“makkik rasa amalan makkik still tak cukup lagi. Yelah kita bukan sekadar perlu amalkan ibadat dan juga rukun-rukun Islam tetapi kita perlu juga menjaga mata, hati dan mulut kita.” (PD64/03)

Hidayah

Majoriti informan sependapat bahawa semua kejadian yang berlaku sepanjang mereka menunaikan haji merupakan hidayah dari Allah. Setiap informan diuji dengan peristiwa yang berbeza dan hanya orang yang kuat dan tabah dapat mengharungi segala rintangan dan merasai kenikmatan hidayah Allah SWT.

PD62/01 menyatakan pandangannya tentang fenomena langit terbuka sebagai satu anugerah atau petunjuk dari Allah. PD45/02 menyatakan pengalaman beliau sebagai petunjuk dari Allah SWT untuk berada di Kota Mekah walaupun keadaan tidak mengizinkan dengan keadaan wang yang tidak banyak dan masalah hubungan suami isteri. Katanya;

“...ianya menyedarkan makkik bahawa semua yang berlaku dengan pertolongan Allah SWT dan menjadikan diri makkik seorang hamba Allah SWT yang sentiasa perlukan petunjuk dari Allah SWT.” (PD45/02)

Taubat

Majoriti responden sependapat bahawa mereka banyak melakukan refleksi dan berasa insaf semasa melihat kebesaran Allah SWT. Majoriti informan bersetuju bahawa antara tujuan utama menunaikan ibadah haji adalah kesedaran untuk melakukan taubat sebanyak-banyaknya. Taubat adalah perkara penting yang mesti dilakukan semasa berada di tanah suci. Hal ini kerana informan berpendapat, selain daripada ganjaran dalam bentuk pahala yang banyak dengan melakukan ibadah wajib dan sunat, taubat juga adalah salah satu daripada penyucian roh yang penting untuk menjadi seorang Muslim yang beriman dan bertakwa. PD62/01 menyatakan di Mekah penuh dengan kejutan dan pengalaman yang dilalui menyebabkan beliau berasa rendah diri.

“Masa tu terdetik dalam hati hebatnya kekuasaan Allah SWT rasa diri ni kedil sangat.” (PD62/01)

PD63/05 menyetujui pendapat PD62/01 bahawa kekuasaan Allah SWT telah membuka hati informan untuk mengisafi kekilafan diri dan mengubah perspektif.

“...ianya menyedarkan makkik bahawa semua yang berlaku dengan pertolongan Allah SWT dan menjadikan diri makkik seorang hamba Allah SWT yang sentiasa perlukan petunjuk dari Allah SWT.” (PD63/05)

Ujian Allah

Kesemua informan sependapat bahawa setiap perkara yang berlaku adalah dengan kekuasaan dan keizinan Allah SWT. Setiap orang akan diuji dengan ujian yang berbeza-beza dan setiap ujian yang diberikan ada hikmahnya. Majoriti informan berpandangan ujian adalah sebahagian daripada elemen penting dalam pengukuhan iman dan takwa seorang Muslim khususnya bagi individu yang menunaikan ibadah haji. Majoriti responden menyatakan bahawa mereka mengalami pengalaman diuji semasa di tanah suci antaranya PD45/02. Beliau menyatakan;

“...tanah suci ini bukan hanya tempat beribadah sucikan hati dan jiwa, tetapi juga...hmm,,tempat seseorang itu diuji.....sebelum ke Mekah banyak saya bermacam cerita tentang orang-orang diuji di sini.....macam-macamlah.....saya sendiri, suatu hari tu tak boleh langsung makan nasi sebab saya menyebut tentang bau lauknya yang tidak enak....sejak itu sehingga beberapa hari saya tiada selera makan khususnya nasi.....maka, saya amat insaf dengan apa yang berlaku terhadap saya....dan bertaubat selepas itu”.

Wukuf di Arafah

Informan berpandangan ibadah wukuf sangat bermakna dalam kehidupan mereka. Ibadah wukuf sangat memberi keinsafan kepada mereka akan melihat dan berasa kebesaran dan kehadiran Allah. Menurut PD62/01 peristiwa yang tidak boleh dilupakan adalah pada waktu wukuf di Arafah dimana informan menceritakan pengalaman beliau merasai sendiri langit terbuka. Peristiwa ini telah membuka mata dan hati informan untuk berubah. Sedar akan kekurangan diri membuatkan informan lebih berkeyakinan untuk berubah. Maka peristiwa ini telah menjadi peristiwa pencetus kepada informan PD62/01 dalam mengubah perspektif spiritual selepas menunaikan haji.

Hubungan Suami Isteri

Terdapat juga informan yang merasai pengalaman diuji akan hubungan antara suami dan isteri semasa di tanah suci. Semasa di Mekah PD45/02 diuji dengan masalah hubungan suami isteri yang agak renggang sedikit.

“Ujian paling berat adalah hubungan suami isteri. Ada seorang ustaz pernah kata sebelum nak pergi haji tu hubungan suami isteri kena jaga sebab kat sana ujian berat kerana kita mudah bergaduh” (PD45/02)

Walaupun diuji dengan masalah hubungan suami isteri PD45/02 tidak mengalah dan berputus asa untuk terus berdoa kepada Allah SWT. Hal ini kerana beliau mengerti bahawa semua ini adalah ujian dari Allah. Menurut beliau, di Mekah kita diuji dengan ujian yang berat

kerana suasana yang berbeza dan kemungkinan juga di tempat yang asing menjadikan hubungan suami isteri menjadi lebih regang. Oleh itu, peristiwa ini telah mengubah perspektif informan dalam perjalanan spiritual beliau.

Kesabaran

Majoriti informan bersetuju bahawa sifat sabar merupakan antara sifat penting yang perlu dimiliki oleh individu yang menunaikan ibadah haji. Hal ini kerana pelbagai kerehan dan masalah yang timbul dalam pelbagai situasi samada disebabkan oleh faktor sendiri mahu pun pihak lain. Justeru, informan bersetuju bahawa jawapan kepada segala masalah yang berlaku semasa menunaikan ibadah haji adalah sifat kesabaran yang tinggi. Tanpa sifat sabar ini maka ibadah haji yang dilakukan akan terdapat cacat cela dan tidak sempurna. PD45/02 dan PD47/04 bersependapat dan menambah bahawa sikap sabar paling banyak diuji dengan orang sekeliling terutama daripada rakan sebilik yang datang dari pelbagai latar belakang dan kerehan. Menurut mereka:

“Apa paling banyak menguji makcik semasa menunaikan haji ini adalah berkaitan dengan kesabaran. Banyak yang kita perlu sabar terutama dari orang sekeliling. Semasa dalam proses haji tu kita diletakkan dengan orang yang berbeza negara, rupa dan juga perangai. Jadi kita kena banyak bersabar kerana bermacam-macam kerehan meraka ini terutama rakan sebilik. Hal ini kerana sifat sabar menjadi cabaran yang utama semasa di tanah Mekah”.

PD64/03 diuji kesabaran dengan kerehan rakannya yang banyak merungut dan tidak menjaga percakapan semasa dalam haji. Perkara yang diuji informan semasa di tanah haram adalah melibatkan kesabaran informan untuk melayan dan menasihati rakannya supaya menjaga mata, hati dan perbuatan semasa dalam haji.

Tambahan pula, rata-rata informan bersependapat bahawa mereka banyak diuji dengan keadaan tubuh badan yang lemah. Hal ini kerana suasana di Tanah Mekah adalah berbeza dari Malaysia. Keadaan di sana panas terik dan suhu lagi tinggi dari Malaysia. Mereka kerap batuk-batuk sepanjang berada di Tanah Mekah.

Rusuhan

Peristiwa rusuhan yang berlaku semasa di Mina turut memberi kesan kepada informan semasa di tanah suci. PD63/05 telah diuji dengan peristiwa rusuhan di Mina akibat daripada pemberontakan orang Iran berkaitan dengan peristiwa rempuhan yang mengakibatkan kematian dalam kalangan jemaah haji di Mina, Arab Saudi.

“Peristiwa rusuhan yang berlaku di mina menyedarkan makcik tak semua yang kita harapkan terjadi dengan mudah.” (PD63/05)

Peristiwa ini telah mengubah perspektif PD63/05 bahawa semua yang kita harapkan terjadi akan berjalan dengan lancar. Oleh itu, kita perlu lebih prihatin dan sentiasa berwaspada. Menurut informan juga apa yang berlaku merupakan ujian dari Allah untuk menguji tahap pegangan kita terhadap agama Islam.

Objektif 2: Faktor Yang Membantu Perubahan Perspektif

Sokongan Moral

Majoriti informan bersetuju bahawa mereka banyak menerima sokongan moral daripada keluarga. Menurut PD45/02, PD47/04 dan PD63/05 menambah bahawa mereka mendapat sokongan dan restu suami untuk berubah. Manakala, menurut informan PD62/01 dan PD64/03, anak-anak menjadi pendorong dan semangat untuk berubah. Hal ini kerana suami mereka telah meninggal dunia. Menurutnya;

“...sokongan moral penting sangat kepada saya...suami saya telah meninggal jadi kekuatan saya adalah pada keluarga dan anak-anak. Anak-anak sentiasa memberi insiprasi dan kekuatan kepada saya untuk berubah dan menjadi lebih baik. Jadi saya fikir, tanpa sokongan moral sukar juga nak dapat kekuatan untuk istiqomah untuk membina peribadi yang baik”

Selain itu, PD62/01 menyatakan pandangan bahawa rakan-rakannya mempengaruhi persepsi dan tindakan informan untuk pergi haji. PD64/03 bersetuju dengan PD62/01 dan menambah bahawa rakan-rakan merupakan tempat rujukan jika ada kekeliruan. PD47/04 dan PD63/05 bersependapat bahawa rakan-rakan yang banyak mengajak pergi mengaji dan pergi ke majlis-majlis ilmu. PD47/04 menyatakan;

“...rakan-rakan selalu ajak bersama-sama ke mesjid....dah bincang awal-awal bila nak datang dan bila nak pulang ke maktab....hari-hari macam tu...seronok...tak jemu....itulah rutin harian semasa di tanah suci. Banyak masa dihabiskan dengan beribadah dan rakan-rakan pula saling sokong menyokong dalam keadaan apa pun”

Akhir sekali, PD62/01, PD45/02, PD64/03, PD47/04 dan PD63/05 bersetuju bahawa mereka banyak mendengar ceramah-ceramah agama melalui televisyen dan juga radio.

Kemahuan Untuk Belajar Dan Memperbaiki Diri

Kebanyakan informan mengakui bahawa sikap keinginan untuk belajar sendiri menjadi pendorong kepada pembelajaran transformatif. PD47/04 dan PD63/05 turut memberi kenyataan bahawa mereka juga menggunakan bacaan buku lain bagi meluaskan ilmu pengetahuan mereka. Katanya;

“Makcik banyak baca tafsiran-tafsiran dan juga buku-buku agama bila ada masa terluang”

PD62/01 sedar akan kekurangannya dan mencari inisiatif untuk belajar;

“selalu petang-petang mak cik pergi belajar mengaji kt rumah ustazah kat taman sebelah anak makcik yang tukang menghantar. Mak cik nak juga la belajar mengaji betulkan tajwid. Yelah kita ni dah tua, rumah kata pergi kubur kata mari. Takkan nak terus berada di tempat yang sama je.”

Selain itu, majoriti informan menyatakan pandangan bahawa peristiwa pencetus yang berlaku dalam hidup mereka membuatkan mereka banyak muhasabah dan memikirkan tahap keimanan.

Akhir sekali, majoriti informan bersependapat bahawa semua kejadian yang berlaku sepanjang mereka menunaikan haji merupakan hidayah daripada Allah. PD62/01 menyatakan pandangannya tentang fenomena langit terbuka sebagai satu anugerah atau petunjuk dari Allah SWT. Manakala, PD45/02 menyatakan pengalaman beliau sebagai petunjuk dari Allah SWT untuk berada di Kota Mekah walaupun keadaan tidak mengizinkan dengan keadaan wang yang tidak banyak dan masalah hubungan suami isteri.

Objektif 3: Kesan Pembelajaran Transformatif Terhadap Wanita Dewasa Yang Menunaikan Haji.

Kajian ini mendapati terdapat tiga bentuk transformasi yang berlaku dalam kalangan wanita dewasa yang menunaikan haji iaitu;

Transformasi Spiritual

Majoriti informan menyatakan bahawa transformasi spiritual benar-benar dirasakan dalam mengerjakan ibadah haji. Menurut kebanyakan responden transformasi spiritual dapat dirasakan kehadirannya dalam hati. Malah mereka berpendapat apabila seseorang itu ikhlas mengerjakan ibadah haji dengan niat untuk menjadi Muslim yang baik maka Allah akan menunaikannya. Malah menurut majoriti informan transformasi spiritual adalah cita-cita dan keazaman setiap individu yang menunaikan ibadah haji. PD45/02 mengakui bahawa beliau banyak berdoa dan bertawakal kepada Allah semasa menunaikan haji dan masih terus berdoa agar hubungan perkahwinan mereka kekal ke jannah. PD45/02 menyatakan selepas balik dari haji beliau banyak melakukan transformasi terutama dari segi mendekatkan diri kepada Allah dengan banyak melakukan amalan-amalan yang mendekatkan diri kepada Allah.

“saya sendiri dapat rasakan pengalaman kerohanian....ia datang macam ...tak tau nak kata...tapi dia hadir dalam hati saya.....bila kita bertaubat....ikhlasakan diri....berdoa sebanyak-banyaknya kepada Allah, Allah tunaikan hajat kita itu.

PD62/01, PD64/03, PD47/04 dan PD63/05 menyetujui pandangan PD45/02 dan menambah bahawa mereka juga banyak belajar mengaji dengan memahami tajwid dan tafsiran sekali bagi lebih memahami maksud-maksud kalam Allah.

Transformasi Tingkah Laku

Majoriti informan bersetuju bahawa mereka banyak melakukan perubahan selepas balik haji. Menurut pandangan PD64/03 dan PD47/04 bersependapat bahawa selepas balik haji kita bukan sahaja perlu tambahkan amal ibadat tetapi perlu juga jaga mata, hati, mulut dan perlakuan. PD45/02 menyokong pandangan PD64/03 dan PD47/04. Beliau juga menambah bahawa individu juga perlu menjaga tingkah laku di luar dengan menjaga pergaulan dengan bukan muhrim dan juga menjaga pemakaian yang menutup aurat. PD45/02 menyatakan;

“...bila balik daripada haji tu, dah ada macam niat untuk terus istiqomah...buat macam mana di tanah suci dulu....solat awal waktu, berpuasa sunat, bersedekah dan berbuat baik dengan sesiapa sahaja.....apatah lagi saya pernah mendengar ustaz sebut haji yang mabrur adalah apabila perubahan itu berlaku secara berterusan sehinggalah seseorang itu meninggal dunia....jadi saya rasa itu penting untuk kekal dalam perubahan tingkah laku.

Transformasi Emosi

Majoriti informan bersetuju bahawa mereka berasa lega dan lebih tenang selepas menunaikan haji. Menurut PD45/02, haji merupakan rukun Islam yang kelima. Oleh itu, jika seseorang itu dapat menyempurnakan rukun Islam yang kelima maka sempurna lah rukun Islam yang perlu dipatuhi oleh umat Islam. Tambah PD63/05, beliau berasa lega dan lebih tenang kerana tidak perlu memikirkan hal keduniaan dan menumpukan kepada agama Islam. Katanya;

“Makcik sangat berbeza dulu dan tak pentingkan agama. Yelah zaman dulu agama ni tak ketat sangat banyak orang kejarkan keduniaan. Bila makcik dah pergi haji makcik mula terfikir untuk berubah kerana makcik merasakan jiwa makcik lebih tenang dan kosong selepas banyak beribadah di kota Mekah. Makcik juga merasakan yang makcik lebih dekat dengan Allah SWT macam berada di kota mekah.”

■5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk fenomenologi ini secara umumnya telah dapat menjawab tiga persoalan kajian.

Objektif Pertama

Peristiwa pencetus sangat penting dalam mengubah perspektif atau pandangan hidup seseorang individu. Mezirow (2000) menyatakan bahawa tanpa peristiwa pencetus seseorang individu itu tidak mengalami proses pembelajaran transformatif. Caranton (2006) bersetuju

dengan pandangan Mezirow (2000) dan menyatakan bahawa tanpa berlakunya peristiwa pencetus kepada diri seseorang itu agak sukar untuknya mengubah kerangka rujukan dan perspektif makna tentang sesuatu perkara yang berlaku dalam hidupnya. Mohd Azhar (2018) bersetuju dengan pandangan ini dan mengesahkan perkara yang sama berlaku dalam kajiannya. Justeru, dalam kajian ini, di dapati kesemua informan telah mengalami pengalaman peristiwa pencetus yang berbeza-beza bagi setiap individu. Tambahan pula, peristiwa pencetus ini telah mengubah perspektif informan untuk berubah. Kajian yang dijalankan oleh Mazalan (2002), Mohd Azhar (2012), Hasmira (2017), Normala (2017) dan Mohd Azri (2019) menunjukkan bahawa terhadap peristiwa pencetus berlaku dalam pelbagai ragam dan cara. Ragam dan cara ini bergantung kepada pengalaman serta konteks peristiwa yang dihadapi oleh individu tersebut. Namun, seperti yang telah diperjelaskan oleh Mezirow (1978, 2000 dan 2009) dan Cranton (2006) peristiwa pencetus adalah prasyarat utama sebelum seseorang individu tersebut mengalami transformasi perspektif. Manakala dalam kajian ini pula menunjukkan bahawa pencetus terintegrasi yang berlaku dalam kalangan informan menjadi penyebab kepada perubahan perspektif terhadap pengalaman yang sebelumnya. Malah peristiwa pencetus yang bersifat integrasi ini turut menyebabkan berlakunya transformasi emosi dan tingkahlaku. Namun sesuatu yang agak unik diperihalkan dalam perbincangan ini adalah sebelum transformasi spiritual berlaku, terlebih dahulu transformasi perspektif mestilah mengambil tempatnya. Kajian dapatan ini selari dengan dapatan Mohd Azhar (2012) dan Normala (2017).

Objektif Kedua

Pembelajaran transformatif seperti juga bentuk pembelajaran lain tidak berlaku dalam vakum (Meriam, 1982). Pelbagai faktor luar dan dalaman mestilah mengambil tempatnya bagi memenuhi syarat transformasi perspektif telah berlaku. Dengan kata lain, kejayaan perspektif perspektif turut didorong oleh pelbagai faktor berdasarkan isu, konteks dan kondisi pengalaman yang dialami oleh individu (Mezirow, 1991 dan 2009). Dalam konteks kajian ini misalnya, transformatif perspektif dan spiritual wanita dewasa yang telah menunaikan haji di didorong oleh pelbagai faktor luaran dan dalaman yang berlaku sebelum, semasa dan selepas mereka menunaikan ibadah haji. Faktor dalaman dalam konteks kajian ini seperti belajar sendiri, muhasabah dan hidayah manakala faktor dalaman keluarga, rakan dan media. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Fadiyah (2017), Normala (2017) dan Mohd Azri (2019) bahawa peristiwa terintegrasi menjadi titik tolak kepada pembelajaran transformasi namun faktor lain juga memberi sumbangan dalam mendorong informan melakukan refleksi kritikal ke atas perspektif makna dan habit mental yang lama. Dapatan kajian ini juga selari dengan kajian yang dijalankan oleh Fadhiyah (2017) iaitu faktor dalaman dan luaran mampu mengubah perspektif individu dan daripada perubahan tersebut, individu juga dapat mengalami perubahan yang lebih bersifat holistik seperti perubahan emosi, perubahan fizikal, perubahan spiritual.

Objektif Ketiga

Pembelajaran yang berkesan akan memberi kesan berpanjangan kepada seseorang individu (Mohd. Azhar, 2018). Tidak seperti pembelajaran dewasa yang lain, pembelajaran transformatif berasaskan kepada falsafah konstruktivisme. Falsafah konstruktivisme bertunjangkan idea sesuatu perubahan itu berlaku akibat daripada refleksi serta penilaian terhadap kerangka lama yang sudah usang dan perlukan kefahaman baru (Mezirow, 1978). Justeru, Cranton (2006) berpandangan perubahan yang diinginkan oleh seseorang individu itu berlaku kepada dirinya mestilah datang daripada kemahuan diri sendiri seperti mana yang diperjelaskan oleh Knowles (1984) menerusi teori andragoginya. Menurut Mezirow (2000) dan Mohd Azhar (2012) kesan daripada transformasi perspektif boleh berlaku dalam beberapa aspek perkembangan dan pertumbuhan individu antaranya adalah kesan daripada rasional kognitif, afektif, spiritual dan tingkah laku.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa informan bukan sahaja melakukan transformasi perspektif (worldview) tetapi juga transformasi perspektif tersebut telah merembeskan perubahan yang lebih holistik terhadap dirinya termasuklah perubahan tingkahlaku, emosi dan spiritual. Kajian ini selari dengan kajian (Mohd. Azhar, 2012), Normala (2017) dan Hasmira (2017) iaitu pembelajaran transformatif bukan sahaja memberi kesan nyata terhadap cara berfikir (perspektif lama kepada perspektif baru) tetapi jika transformasi perspektif tersebut turut menyebabkan berlakunya perubahan terhadap domain lain secara serentak iaitu emosi, tingkahlaku dan spiritual. Jika dahulu informan banyak terdedah dengan perkara-perkara yang melalaikan seperti mengumpat, menghabiskan masa secara tidak berfaedah, kurang khusyuk dalam ibadat dan jarang mengingati Allah. Selepas menunaikan haji wanita dewasa lebih banyak mendekati diri dengan Allah SWT dan berjiwa tenang. Hal ini kerana mereka banyak mengisi bekalan kerohanian bagi hati dan jiwa manusia dengan iman dan takwa. Dengan keazaman dan semangat meningkatkan ketaatan kepada Allah, kecintaan kepada rasul-Nya dan kesedaran tanggungjawab terhadap sesama Islam pada keseluruhannya.

6.0 LIMITASI DAN CADANGAN

Kajian kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi ini telah memberi kefahaman yang bermakna dalam memahami proses transformasi perspektif dan spiritual yang berlaku dalam kalangan individu yang menunaikan ibadah haji. Antara kekangan yang dihadapi dalam kajian ini adalah untuk menghubungi informan yang telah diperkenalkan oleh responden sebelumnya. Sungguhpun, pengkaji telah memperolehi maklumat informan seperti nombor talipon dan alamat rumah, namun disebabkan kesibukan informan temubual telah dipinda beberapa kali. Ada juga dalam kalangan informan yang tidak mahu membincangkan perkara-perkara yang telah berlaku dalam hidup mereka sebelum melaksanakan ibadah haji. Justeru, ia telah menyebabkan pengkaji berusaha mendapatkan informan lain yang dapat memberikan maklumat yang berkaitan. Selain itu, pengkaji mendapati agak sukar untuk menjelaskan konsep pembelajaran transformatif khususnya kepada individu yang telah berumur. Hal ini kerana konsep pembelajaran transformatif agak 'absurd' dan sukar untuk memberikan contoh yang konkrit berkaitan dengannya. Justeru dalam hal ini, pengkaji terpaksa bersedia dengan penerangan serta penjelasan yang lebih mudah untuk difahami agar sesi temubual dapat berjalan dengan lancar.

Cadangan bagi pengkaji pada masa akan datang supaya menambah informan dan meluaskan skop kajian ke seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dengan menggunakan kaedah gabungan kualitatif dan kuantitatif. Oleh itu, bilangan informan yang ramai dapat mewakili fenomena transformasi perspektif terhadap Islam. Selain itu, pengkaji disarankan untuk mengambilkira faktor perbezaan jantina, umur, pekerjaan dan tahun haji bagi mendapatkan hasil kajian yang lebih signifikan. Kajian perbandingan cross-sectional juga boleh dilakukan berdasarkan lokasi bandar dan luar bandar serta yang berpendidikan dan tidak berpendidikan agar fenomena transformasi perspektif dapat difahami secara lebih menyeluruh dan komprehensif. Cadangan juga disarankan kepada pengkaji akan datang supaya menjalankan kajian menggunakan triangulasi data lain seperti pemerhatian, perbincangan kumpulan fokus dan diari bagi meyakinkan dan dapat meningkatkan kesahan data yang dikumpul.

7.0 KESIMPULAN

Kajian empirikal berkaitan pembelajaran transformatif telah berkembang sejak 30 tahun yang lepas. Sejak Jack Mezirow (1978) mengkonstruksi teori pembelajaran transformasi banyak kajian telah dijalankan oleh para pengkaji seluruh dunia. Namun sejak tahun 2000, kajian pembelajaran transformatif mula mendapat perhatian di timur khususnya di Malaysia. Paling menarik sejak kajian pembelajaran transformatif dijalankan di Malaysia, elemen spiritual khususnya dalam perspektif Islam mula memberi sumbangan bermakna terhadap pemahaman terhadap teori pembelajaran transformatif yang lebih menyeluruh contohnya adalah seperti kajian ini. Kajian ini juga telah dapat membuka kefahaman baru khususnya dalam konteks peristiwa pencetus, faktor pendorong dan kesan terhadap individu khususnya dalam konteks ibadah haji.

Rujukan

- Adanan Mat Junoh (1998). *"Motif Utama dan Motivasi Guru terhadap Program Pengajian Jarak Jauh di Institut Pengajian Jarak Jauh di Institut Pendidikan dan Pembelajaran Jarak Jauh Universiti Putra Malaysia"*. Kertas Projek Master yang Tidak Diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Al-Ghazali. (1983). *Penyelamat dari Kesesatan (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Quraisy, Abdul Fidaa' Ismail Katsir (2004). *"Kisah Para Nabi : Teladan Bagi Orang Berakal"*. Kuala Lumpur : Darul Fajr Sdn. Bhd. Asy'ary, I. (n.d.). Hadis Ibnu Majah. Retrieved from https://www.academia.edu/35856052/Hadis_ibnu_majah Access on 26 Februari 2020
- Creswell, J.W (2008). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches*. New York: SAGE Publications.
- Diana Syafira Binti Abdul Rahim (2019). *Pembelajaran Transformatif Dalam Kalangan Pelajara Yang Berkahwin Semasa Belajar di UTM, Skudai*. Ijazah Sarjana Muda (Pembangunan Sumber Manusia). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Haron Din et al. (ED.), (2002). *Manusia dan Islam*. Jilid Satu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmira Mokhtar (2017). "Pembelajaran Transformatif Dalam Kalangan Golongan Pengkid Dewasa Beragama Islam Di Kuala Lumpur". *Tesis Master PSM*. Skudai. Fakulti Pengurusan UTM.
- Illeris, K. (2003). "From Vocational training to Workplace Learning." Dlm. Prosiding Researching Widening Access-International Perspectives Conference.
- Osborne, M. dan J. Gallacher (2009) (Ed.). Glasgow, Scotland: Centre for Research in Lifelong Learning.
- Ismail, A., Abdul Latiff, L., Mat Yacob, S. N. B., Muda @ Ismail, F. L., & Taky Eldin Kandil, H. M. (2018). The Islamic Perspective on Thinking and Innovative Culture as Exemplified by the Works of Renowned Muslim Scholars. *Jurnal Sains Insani*, 1(1), 22-25. Retrieved from <http://sainsinsani.usim.edu.my/index.php/sainsinsani/article/view/4> Access on 16 May 2020
- Jameelah, M. (1967). *Islam in Theory and Practice*. Lahore: Mohammad Yusuf Khan.
- Knowles, M. S. (1984). *Andragogy in action: Applying modern principles of adult education*. New York: Cambridge Book
- Lebar, O. (2017) Penyalidikan kualitatif : Pengenalan kepada Teori dan Metode (Edisi Kedua) : Penerbit UPSI: Tanjung Malim.
- Mazalan Kamis (2002). Rising Political Consciousness: Transformative Learning Among Educated Urban Malaysia In Malaysia. Fakulti Pengajian Pendidikan UPM: serdang. *Unpublished PhD Dissertation*
- Meriam, D. d. (1982). *Adult Education: Foundations of Practice*. New York: HarperCollins.
- Mezirow, J. (1978). Perspective Transformation. *Adult Education*. 28(2), 100 – 110.
- Mezirow, J. (1991). *Transformative Learning of Adult Learning*. San Francisco: JosseyBass.
- Mezirow, J. (2003). "Transformative Learning Theory". Dlm. *Transformative Learning in Practice: Insights From Community, Workplace and Higher Education Mezirow, J. et al*. New York: John Wiley & Son.
- Mezirow, J. (2009). *Learning as Transformation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mezirow. (2000). *Learning as Transformation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mohd. Azri Abdul Majid (2019). "Pengalaman Pembelajaran Transformatif Pekerja Gen X Terhadap Rakan Sekerja Gen Y Di Permodalan Risa Berhad". *PSM*. Skudai: Fakulti Pengurusan UTM.
- Mohammad Yusuf Khan. (1967). *Islam in Theory and Practice (revised)*. the University of Michigan.
- Mohd Azhar Abd. Hamid. (2012). *Pengalaman Transformasi Perspektif Individu Cina Muslim Terhadap Agama Islam di Johor Bahru*. Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Azhar Abd. Hamid. (2018). *Pembelajaran Transformatif & Pertukaran Agama*. Penerbit UTM Press.
- Mohd. Yusuf Ahmad. (2003). *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Norizan binti Nasir, (2015). "Perubahan Pengalaman Transformasi Perspektif Dalam Kalangan Ibu Tunggal Terhadap Kehidupan Bekerjaya Di Johor Bahru". *Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan)*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nur Fadiyah binti Adnan. (2015). "Pengalaman Tranformasi Perspektif Dalam Kalangan Individu Perempuan Dewasa Terhadap Islam Sebagai Cara Hidup". *Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan)*. Skudai: UTM.
- Nur Shyuhadah. (2014). *Pengalaman Pelajar Daripada Ibu Bapa yang Bercerai dalam Kalangan Mahasiswa Muslim Universiti Teknologi Malaysia*. Ijazah Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia.
- Noridram Bin Ismail. (2017). "Pengalaman Transformasi Perspektif Pekerja Dewasa Yang Sedang Atau Telah Mengikuti Separuh Masa Di Peringkat Sarjana Muda Di Lembah Klang". *Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia)*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norhafizah (2015). Tahap Kesediaan Terhadap Pembelajaran Arahan Kendiri Dan Hubungannya Dengan Jenis Psikologi Pelajar Kolej Komuniti Di Pulau Pinang. Ijazah Sarjana Sastera (Pendidikan): Universiti Sains Malaysia.
- Normala binti Abu Hassan (2017). *Meneroka Pembelajaran Transformatif Ke Arah Kepuliharaan Dadah Dalam Kalangan Bekas Penagih Dadah*. Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Nur Fadiyah binti Ad Adnan. (2016). *Pengalaman Transformasi Perspektif Dalam Kalangan Individu Perempuan Awal Dewasa Terhadap Islam Sebagai Cara Hidup*. Ijazah Sarjana Muda (Pengurusan). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nur Syuhadah. (2014). *Pengalaman Pelajar Daripada Ibu Bapa Yang Bercerai Dalam Kalangan Mahasiswa Muslim Universiti Teknologi Malaysia*. Ijazah Sarjana Muda Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative Research & Evaluation Methods (3rd ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Rohana Yusof. (2004). *Penyelidikan sains sosial (Edisi Kemas Kini)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ritchie, J. dan Lewis, J. (2003). *Qualitative Research Practice: A Guide for Social Science Students and researchers*. London: Sage Publications.
- Sidek, B. (2006). *Pendidikan Rabbani. Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd
- Sidek, B. (2006). *Pendidikan Rabbani. Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (2018). *The Concept of Education in Islam: A Framework for an Islamic Philosophy of Education*. Kuala Lumpur: Ta'adib International.
- Singh, Sanjay & Singh, Umesh & Sharma, Vikas. (2014). The Truncated Lindley Distribution: Inference and Application. *Journal of Statistics Applications & Probability*. 3. 219-228. 10.12785/jsap/030212.
- Taylor, E.W. (1998). *Transformative Learning: A Critical Review*. ERIC Clearing House on Adult, Career and Vocational Education (Information Series No.374).
- Wollert, M. H. (2003). *Transformative Learning and Faith Development in Graduate Seminary Student*. Unpublished Ph.D Dissertation. The University of Tennessee.